

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XV)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

25. Huraikan lokasi, keluasan tanah dan tahun yang diluluskan untuk tambakan laut di Pulau Pinang.
- (a) Apakah status tambakan laut di perairan Gurney Drive?
  - (b) Adakah tambakan laut di Middle Bank (Jelutong) akan diteruskan?
  - (c) Apakah status tambakan laut di PSR?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

25. Senarai projek tambakan laut yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri di Pulau Pinang adalah seperti berikut :

<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Keluasan (ekar)</b>	<b>Tahun</b>
1	Bandar Seri Tanjung Pinang Fasa 1, Tanjung Tokong	240	1990
2	Bandar Sri Pinang, Jelutong	324	1997
3	Seri Tanjung Pinang Fasa 2, Tanjung Tokong	891	2011

4	Bayan Mutiara, Batu Uban	59.992	2016
5	Bayan Bay (Berhadapan Queensbay Mall)	25.79	2016
6	Penang South Reclamation (PSR), Permatang Damar Laut	4500	2016
7	Bagan Ajam hingga Teluk Air Tawar, Butterworth	1606	2019

(a) Status tambakan laut di perairan Gurney Drive adalah seperti berikut:-

- (i) Tambakan laut di bahagian *Gurney Drive Foreshore & Government Reserve* seluas 131.09 hektar telah selesai dan di peringkat penstabilan kerja-kerja tebus guna tanah (surcaj).
- (ii) Tambakan laut bagi Projek Sri Tanjung Pinang Fasa 1 (STP 1) telah selesai dijalankan pada tahun 2005.
- (iii) Tambakan laut bagi Projek Sri Tanjung Pinang Fasa 2 (STP 2) adalah seperti berikut:

Bil	Fasa	Tarikh Siap
1	2A (252.81 ekar)	Dalam proses tambakan dan dijangka siap pada tahun 2020
2	2B (248.31 ekar)	31 Disember 2025
3	2C (258.88 ekar)	31 Disember 2028

(b) Setakat ini Pihak Berkuasa Negeri tidak meluluskan apa-apa pemajuan di atas tapak Kawasan Middle Bank (Jelutong).

- (c) Pelan Induk Penang South Reclamation (PSR) telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) Bil. 6/2016 bertarikh 27 Mei 2016. PSR juga telah mendapat nasihat daripada Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) pada mesyuaratnya ke-31 (Bil.1/2019) yang telah bersidang pada 18 April 2019 serta telah mendapat kelulusan *Environmental Impact Assessment* (EIA) pada 25 Jun 2019.

Status terkini bagi projek tebus guna tanah tersebut adalah dalam peringkat penyediaan Pelan Induk. Bagi tujuan tersebut, *Masterplan Design Competition* (MDC) telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri untuk mendapatkan idea yang terbaik bagi Pelan Induk dalam membangunkan kawasan tersebut.